




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
26 Mei 2026



Lebih 7,000 hilang kerja pada April

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Situasi kehilangan pekerjaan dalam negara kembali membimbangkan apabila lebih 7,000 pekerja direkodkan hilang sumber pendapatan sepanjang April lalu, sekali gus memberi kesan langsung kepada ribuan keluarga.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, seramai 7,057 pekerja dilaporkan hilang pekerjaan pada April dan ia menunjukkan peningkatan sebanyak 21 peratus berbanding 5,855 orang pada bulan sebelumnya.

Beliau berkata, walaupun angka itu lebih rendah berbanding awal tahun iaitu Januari seramai 10,658 pekerja dan Februari (7,512 orang) tetapi perkembangan tersebut perlu diberi perhatian.

“Setiap satu angka itu adalah satu keluarga yang hilang punca pendapatan. Kerajaan akan

“**Setiap satu angka itu adalah satu keluarga yang hilang punca pendapatan. Kerajaan akan pastikan Sistem Insurans Pekerja (SIP) atau LINDUNG Kerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berfungsi dengan pantas untuk membantu mereka.**”

AKMAL NASRULLAH MOHD. NASIR

astikan Sistem Insurans Pekerja (SIP) atau LINDUNG Kerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berfungsi dengan pantas untuk membantu

mereka,” katanya dalam Taklimat Krisis Bekalan Global, semalam.

Dalam pada itu, Akmal berkata, harga barangan makanan do-

mestik bagi minggu 18 hingga 21 Mei masih terkawal dalam julat pergerakan antara negatif 2.0 peratus hingga 3.6 peratus.

“Pergerakan harga bagi item

utama seperti ayam, purata harga sekarang adalah RM9.57 sekilogram.

“Bagi daging lembu, berita baik kerana harga turun sebanyak dua peratus kepada RM38.45 sekilogram. Manakala bagi sawi, ada kenaikan ketara sebanyak 3.6 peratus kepada RM7.08 sekilogram,” katanya.

Beliau berkata, terdapat juga kawasan dan premis perniagaan yang menawarkan harga barangan yang lebih rendah.

“Oleh itu, kepada peniaga, kita minta jangan ambil kesempatan. Kerajaan akan terus membuat pemantauan dan penguatkuasaan.

“Kepada rakyat, kita minta gunakan aplikasi PriceCatcher. Bandingkan harga. Jadilah pengguna yang bijak kerana kuasa membeli ada di tangan anda.

“Maklumat ini juga boleh disemak melalui Dashboard Pemantauan Krisis Bekalan yang telah dibuka untuk akses orang awam,” katanya.



Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Bagi kebanyakan pekerja, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mungkin hanya potongan dalam slip gaji bulanan namun tanpa sedar jumlah kecil itu membolehkan mereka menikmati perlindungan menyeluruh.

Bagi pekerja yang menerima gaji minimum RM1,700 sebulan, caruman kepada Perkeso hanyalah RM8.50 atau 0.5 peratus daripada gaji bulanan, selain RM3.40 (0.2 peratus) untuk Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), majikan pula mencarum RM29.75 kepada Perkeso dan RM3.40 kepada SIP bagi pihak pekerja.

Ahli ekonomi di Centre for Future Labour Market Studies, Zharif Luqman Hashim berkata, Perkeso diwujudkan bagi memastikan setiap pekerja mempunyai perlindungan asas apabila berhadapan kejadian tidak diingini.

Menurut beliau, perlindungan yang disediakan bukan hanya tertumpu kepada kemalangan di tempat kerja malah meliputi pelbagai risiko lain yang boleh menjejaskan kebajikan pekerja dan keluarga mereka.

"Menerusi Skim Bencana Pekerjaan, Perkeso melindungi pekerja daripada kecederaan ketika bekerja termasuk dalam perjalanan pergi dan pulang dari tempat kerja.

"Skim Keilatan pula menyediakan perlindungan 24 jam bagi kes hilang upaya atau kematian akibat sebarang sebab, manakala SIP memberi bantuan pendapatan sementara serta sokongan mencari pekerjaan kepada mereka yang kehilangan

Caruman kecil, perlindungan besar untuk pekerja



PERKESO turut memperkenalkan skim Lindung Kasih sebagai tanda penghargaan bagi melindungi suri rumah daripada risiko kemalangan atau kematian.

kerja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zharif Luqman berkata, sistem itu turut menyediakan bantuan pemulihan, anggota palsu, rawatan

dialisis dan program kembali bekerja bagi membantu pekerja meneruskan kehidupan selepas ditimpa musibah.

Beliau berkata, konsep perlindungan sosial Perkeso berbeza

daripada insurans swasta kerana caruman dikumpulkan secara bersama dan ditetapkan mengikut kadar gaji pekerja.

"Menanggung bil perubatan sahaja

tidak menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi kebanyakan keluarga selepas berlaku kecederaan atau penyakit, iaitu kehilangan pendapatan dan keupayaan untuk bekerja.

"Perkeso pergi lebih jauh dengan menyediakan penggantian pendapatan selain bantuan pemulihan dan sokongan untuk kembali bekerja," katanya.

Sementara itu, Felo Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Azizul Amiludin berkata, sistem insurans swasta lazimnya menggunakan penilaian risiko yang menyebabkan sesetengah pekerja dikenakan premium lebih tinggi berdasarkan umur, tahap kesihatan dan faktor lain.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan sebahagian pekerja terutama golongan berpendapatan rendah tidak mampu memiliki perlindungan sewajarnya ketika negara menuju status negara menua menjelang 2030.

"Tanpa sistem seperti Perkeso, beban penjagaan kesihatan dan kebajikan tidak akan hilang, sebaliknya dipindahkan kepada keluarga dan institusi awam.

"Justeru, insurans sosial tidak seharusnya dilihat sebagai perbelanjaan semata-mata, sebaliknya pelaburan bersama demi menjamin kestabilan sosial dan daya tahan ekonomi negara," katanya.

7,057 orang hilang pekerjaan bulan lalu

- Jumlah itu melonjak 21 peratus berbanding 5,855 Mac lalu
- Sektor penerbangan turut terima tempas, kos operasi naik

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

PETALING JAYA – Kementerian Ekonomi memaklumkan seramai 7,057 pekerja di negara ini dilaporkan hilang pekerjaan April lalu.

Menterinya, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, jumlah itu meningkat 21 peratus berbanding 5,855 orang Mac lalu.

Bagaimanapun katanya, angka itu lebih rendah berbanding awal tahun iaitu Januari apabila seramai 10,658 orang hilang peker-

jaan dan Februari (7,512 orang).

“Setiap satu angka itu adalah satu keluarga yang hilang punca pendapatan.

“Kerajaan akan pastikan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) atau Lindung Kerjaya di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berfungsi dengan pantas untuk membantu mereka,” katanya dalam Taklimat Krisis Bekalan Global semalam.

Dalam pada itu Akmal Nasrullah berkata, sektor penerbangan turut menerima tekanan ketara susulan peningkatan kos operasi dan gangguan laluan antarabangsa.

“Pergerakan pesawat harian pada April lalu merosot 31.5 peratus kepada 2,464 pesawat susulan pembatalan laluan Asia Barat.

“Pengendalian kargo udara antarabangsa turut menurun 14.3 peratus kepada 1,784 kilogram, manakala kargo udara domestik susut 18 peratus kepada 420 kilo-

gram akibat lonjakan kos bahan api dan pelarasan operasi syarikat penerbangan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Petronas memberi jaminan stok bekalan minyak negara mencukupi sehingga Julai ini.

Menurutnya, perkara itu dimaklumkan pada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diadakan semalam.

Beliau berkata, purata harga minyak mentah Brent bagi tempoh 18 hingga 22 Mei kini mencecah AS\$111.67 (RM441.60) setong, meningkat 1.7 peratus berbanding AS\$109.85 (RM434.40) pada minggu sebelumnya.

“Harga minyak Brent yang kekal tinggi melebihi paras AS\$100 (RM395) setong menyebabkan peningkatan kos pengangkutan dan harga barang.

“Ini sekali gus mencerminkan pasaran tenaga global yang masih tidak menentu akibat risiko geopolitik,” katanya.



ORANG ramai mengunjungi karnival pekerjaan melibatkan pelbagai sektor. – GAMBAR HIASAN

Help for workers hit by crisis

Some 7,000 lost their jobs in April

By DIVYA THERESA RAVI
divya.theresa@thestar.com.my

PETALING JAYA: Continuous effort will be made to assist workers affected by the global crisis, says Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir (*pic*).

He said the government would ensure that initiatives such as the Employment Insurance System under the Social Security Organisation (PERKESO) function efficiently to assist those who have lost their jobs.

He said 7,057 workers had lost their jobs in April due to the global crisis, which is an increase from March (5,855 workers).

“The figures were lower compared to the start of the year, with 10,658 workers losing their jobs in January and 2,260 in February. However, the ministry will continue to give attention to the matter.”

Akmal Nasrullah added that national oil company PETRONAS had told the National Economic Council Meeting (MTEN) that the country's oil supply will be sufficient until July.

He said the assurance was given despite Brent crude oil prices continuing to increase amid global geopolitical uncertainty, citing that its average price reached US\$111.67 (RM441.70) per barrel for the period of May 18-22, up 1.7% compared to US\$109.85 (RM434.80) per barrel in the previous week.



As for the aviation industry, the minister said daily aircraft movements in April fell by 31.5%, following cancellations involving Middle East routes and rationalisation of operations by airlines.

Akmal Nasrullah, at the Global Supply Crisis briefing, said the government will continue to strengthen enforcement

efforts to ensure the prices of essential goods remain under control amid public concerns over the rising cost of living and food supply issues.

He said that domestic food prices from May 18 to 21 remain within a controlled range, recording movements within the range of -2% to +3.6%.

“The average price of chicken is RM9.57 per kilo, while beef fell 2% to RM38.45 per kilo. The price of mustard greens (*sawi*) rose 3.6% to RM7.08 per kilo.”

He said that despite price increases for certain goods, there were still areas and business premises offering lower prices.

Akmal also encouraged the use of the PriceCatcher app. Information about the app is available on the ministry dashboard.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com

